



## **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**CUKAI DITANGGUNG OLEH MAJIKAN**

**KETETAPAN UMUM NO. 3/2024**

**TARIKH PENERBITAN: 10 DISEMBER 2024**



Diterbitkan oleh:

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi Kedua pada 8 Disember 2016

Edisi pertama pada 17 Januari 2006

© 2024 Lembaga Hasil Malaysia Dalam Negeri

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.

KANDUNGAN	Muka surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Tempoh Asas yang Berkaitan dengan Pendapatan Penggajian	2
5. Cukai Pendapatan Pekerja yang Ditanggung oleh Majikan - Suatu Perkuisit kepada Pekerja	3
6. Layanan Cukai Terhadap Cukai Pendapatan Pekerja yang Ditanggung oleh Majikan	3
7. Potongan Cukai Bulanan	25
8. Tanggungjawab Pekerja	26
9. Tanggungjawab Majikan	27
10. Pengemaskinian dan Pindaan	29
11. Penafian	30

#### **KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH**

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

## 1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menerangkan pengiraan –

- (a) perkuisit yang berkaitan dengan cukai pendapatan pekerja yang ditanggung oleh majikan; dan
- (b) cukai yang kena dibayar oleh pekerja yang berhak kepada perkuisit tersebut.

## 2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) berhubung dengan KU ini adalah seksyen 2, 7, 13, 21, 25, 46, 47, 48, 49, 77, 77C, 83, 107 dan Bahagian 1, Jadual 1.

## 3. Tafsiran


Istilah yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “Bermastautin”, berhubung dengan pekerja, adalah pekerja yang bermastautin di Malaysia bagi suatu tahun asas untuk suatu tahun taksiran (TT) seperti mana yang ditentukan di bawah seksyen 7 ACP.
- 3.2 “Bukan pemastautin” bagi tahun asas suatu TT berhubung seseorang pekerja bermaksud pekerja selain daripada pekerja yang bermastautin.
- 3.3 “Individu” bermaksud orang biasa.
- 3.4 “Majikan”, berhubung dengan suatu penggajian, bermaksud -
  - (a) tuan, di mana terdapat perhubungan di antara tuan dan orang suruhan;
  - (b) jika perhubungan di antara tuan dan orang suruhan tidak wujud, ianya adalah orang yang membayar atau bertanggungjawab untuk membayar gaji pekerja yang digajikan, walaupun orang yang membayar dan pekerja itu adalah orang yang sama tetapi bertindak dalam kapasiti yang berlainan.
- 3.5 “Pekerja”, berhubung dengan suatu penggajian, bermaksud -
  - (a) orang suruhan, di mana terdapat perhubungan di antara orang suruhan dan tuan;

- (b) jika perhubungan di antara tuan dan orang suruhan tidak wujud, ianya adalah pemegang pelantikan atau perjawatan yang menzahirkan penggajian tersebut.
- 3.6 “Penggajian” bermaksud -
- (a) penggajian, di mana terdapat perhubungan di antara tuan dan orang suruhan;
- (b) mana-mana pelantikan atau perjawatan, sama ada awam atau sebaliknya dan sama ada atau tidak terdapat perhubungan di antara tuan dan orang suruhan, yang mana saraan kena dibayar.
- 3.7 “Perkuisit”, berhubung dengan suatu penggajian, bermakna manfaat dalam bentuk tunai atau barangan yang boleh ditukar kepada wang yang diterima oleh pekerja daripada majikan atau pihak ketiga berkaitan dengan mempunyai atau menjalankan penggajian.
- 3.8 “Tahun asas”, berhubung dengan suatu TT bagi punca pendapatan penggajian adalah tempoh asasnya bagi TT tersebut.
- 3.9 “Tahun taksiran” bermaksud tahun kalendar.

#### 4. Tempoh Asas yang Berkaitan Pendapatan Penggajian

Menurut seksyen 25 ACP, pendapatan penggajian yang boleh diterima bagi suatu tempoh tertentu dianggap sebagai pendapatan kasar pekerja dalam tempoh ia diterima. Dalam perkataan lain, pendapatan kasar daripada suatu penggajian yang boleh diterima bagi mana-mana tahun asas bagi suatu TT dikenakan cukai dalam tahun asas ia diterima. Ini diringkaskan dalam gambar rajah berikut:



## 5. Cukai Pendapatan Pekerja yang Ditanggung oleh Majikan - Suatu Perkuisit kepada Pekerja

Cukai pendapatan adalah tanggungan kewangan peribadi seorang pekerja. **Perjanjian oleh majikan untuk membayar** cukai pendapatan seseorang pekerja **tidak melepaskan pekerja tersebut daripada tanggungan cukai** ke atas amaun cukai pendapatan yang ditanggung oleh majikan. Amaun sepenuhnya atau sebahagian daripada cukai pendapatan pekerja boleh dibayar oleh majikan. Apabila tanggungan cukai pendapatan pekerja dibayar oleh majikan, manfaat ini tergolong dalam definisi **perkuisit** dan adalah sebahagian daripada pendapatan kasar daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) ACP.

## 6. Layanan Cukai Terhadap Cukai Pendapatan Pekerja Yang Ditanggung Oleh Majikan

Layanan cukai terhadap cukai pendapatan pekerja yang ditanggung oleh majikan adalah seperti berikut:

### 6.1 Pengiraan perkuisit berhubung dengan cukai pendapatan yang ditanggung oleh majikan

Cukai pendapatan seorang pekerja yang ditanggung oleh majikannya bagi suatu tahun asas untuk suatu TT akan diambil kira sebagai pendapatan pekerja dalam tahun asas apabila amaun cukai sebenar untuk TT tersebut dapat ditentukan, iaitu dalam tahun asas yang berikutnya. Oleh yang demikian, seorang pekerja tidak akan dikenakan cukai ke atas manfaat ini dalam tahun asas di mana penggajian beliau dijalankan kerana manfaat tersebut hanya wujud dalam tahun berikutnya.

#### Contoh 1

Hendrik, seorang warganegara Sweden yang sudah berkahwin dan mempunyai seorang anak prasekolah, tiba di Malaysia pada 25.3.2023 untuk memulakan penggajian beliau pada 1.4.2023. Terma kontrak penggajiannya adalah seperti berikut:

- (a) tempoh penggajian di Malaysia adalah untuk tempoh 2 tahun mulai 1.4.2023 hingga 31.3.2025;
- (b) gaji bulanan sebanyak RM20,000 untuk 9 bulan pertama dan kemudian akan menerima kenaikan tahunan sebanyak RM12,000 (RM1,000 sebulan) bagi tempoh 1.1.2024 hingga 31.12.2024 dan RM3,000 (RM1,000 sebulan) bagi tempoh 1.1.2025 hingga 31.3.2025 sehingga kontrak penggajian tamat pada 31.3.2025;
- (c) layak menerima bonus bergantung kepada prestasi syarikat: dan



(d) cukai pendapatan Hendrik ditanggung sepenuhnya oleh majikan.

Majikan Hendrik mengisytiharkan bonus bagi tahun 2023 dalam tahun 2024 dan beliau menerima sejumlah RM40,000 bagi tahun berakhir 31.12.2023 pada 30.8.2024. Pada bulan Januari 2025, Hendrik menerima tunggakan bonus bagi tahun 2024 sebanyak RM10,000. Hendrik bermastautin di Malaysia bagi TT 2023 dan 2024. Beliau bukan pemastautin bagi TT 2025.

Pengiraan cukai yang kena dibayar oleh Hendrik untuk TT 2023 dan 2024 adalah seperti berikut:

#### Tahun Taksiran 2023

	RM	RM
Gaji RM20,000 X 9 (1.4.2023- 31.12.2023)		180,000
Tolak:		
Potongan untuk diri (seksyen 46 ACP)	9,000	
Potongan untuk isteri (seksyen 47 ACP)	4,000	
Potongan untuk anak (seksyen 48 ACP)	<u>2,000</u>	<u>15,000</u>
Pendapatan bercukai		<u>165,000</u>
		RM
Cukai atas RM100,000 yang pertama		9,400.00
Cukai atas baki RM65,000@ 25%		<u>16,250.00</u>
Cukai pendapatan kena dibayar <sup>1</sup>		<u>25,650.00</u>

<sup>1</sup>Cukai yang kena dibayar oleh Hendrik bagi TT 2023 adalah berjumlah RM25,650.00. Cukai yang ditanggung oleh majikan adalah suatu perkuisit kepada Hendrik. Perkuisit ini diambil kira sebagai sebahagian pendapatan kasar Hendrik daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) ACP untuk tahun asas 2024 (TT 2024), iaitu dalam tahun asas apabila amaun cukai sebenar bagi TT 2023 dapat ditentukan.

#### Tahun Taksiran 2024

	RM	RM
Gaji RM21,000 X 12 (1.1.2024- 31.12.2024)		252,000
Bonus yang boleh diterima bagi tahun 2023 diterima pada tahun 2024		40,000
Cukai TT 2023 yang ditanggung oleh majikan <sup>1</sup>		<u>25,650</u>
Jumlah pendapatan		317,650
Tolak:		
Potongan untuk diri	9,000	
Potongan untuk isteri	4,000	
Potongan untuk anak	<u>2,000</u>	<u>15,000</u>
Pendapatan bercukai		<u>302,650</u>

Cukai atas RM100,000 yang pertama	9,400.00
Cukai atas baki RM202,650 @ 25%	<u>50,662.50</u>
Cukai kena dibayar <sup>2</sup>	<u>60,062.50</u>

<sup>2</sup>Cukai yang kena dibayar oleh Hendrik bagi TT 2024 adalah berjumlah RM60,062.50. Keseluruhan cukai yang ditanggung oleh majikan Hendrik adalah suatu perkuisit kepada beliau dan diambil kira sebagai sebahagian daripada pendapatan kasar Hendrik daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) ACP untuk TT 2025 dan dikenakan cukai dalam TT 2025, iaitu dalam tahun asas apabila amaun cukai sebenar bagi TT 2024 dapat ditentukan.

Tunggakan bonus berjumlah RM10,000 yang boleh diterima bagi TT 2024 tetapi diterima dalam TT 2025 dikenakan cukai dalam TT 2025, iaitu dalam TT bonus diterima.

## 6.2 Pengiraan perkuisit apabila terdapat taksiran kurangan

Jika terdapat perubahan dalam pendapatan yang dikenakan cukai atau pendapatan bercukai yang mengakibatkan taksiran kurangan bagi suatu TT, cukai untuk TT tersebut dan TT seterusnya (tidak kira sama ada ia mengakibatkan taksiran tambahan atau kurangan) perlu dikira semula untuk menentukan cukai kena dibayar sebenar yang sepatutnya ditanggung oleh majikan.

### Contoh 2

Fakta sama seperti Contoh 1.

Hendrik terlepas pandang untuk menuntut potongan bagi premium insurans nyawa di bawah seksyen 49 ACP berjumlah RM3,000 setahun yang telah dibelanjakan olehnya. Beliau membuat rayuan di bawah seksyen 131 ACP bagi taksiran untuk TT 2023 dan 2024.

Cukai yang kena dibayar untuk TT berkenaan hendaklah dikira semula bagi menentukan cukai kena dibayar yang ditanggung oleh majikan. Pengiraan semula adalah seperti berikut:

#### Tahun Taksiran 2023 - Taksiran Kurangan

	RM	RM
Gaji RM20,000 X 9 (1.4.2023- 31.12.2023)		180,000
Tolak:		
Potongan untuk diri	9,000	
Potongan untuk isteri	4,000	
Potongan untuk anak	2,000	
Potongan untuk premium insurans nyawa (seksyen 49 ACP)	<u>3,000</u>	18,000





Pendapatan bercukai	<u>162,000</u>
	RM
Cukai atas RM100,000 yang pertama	9,400.00
Cukai atas baki RM62,000 @ 25%	<u>15,500.00</u>
Cukai kena dibayar <sup>3</sup>	24,900.00
Tolak: Taksiran asal bagi TT 2023 <sup>1</sup>	<u>25,650.00</u>
Cukai dilepaskan akibat tuntutan untuk premium insurans nyawa	<u>750.00</u>

<sup>3</sup>Pindaan cukai kena dibayar bagi TT 2023 yang ditanggung oleh majikan selepas mengambil kira potongan untuk premium insurans nyawa yang dituntut oleh Hendrik telah dikurangkan kepada RM24,900.00. Cukai kena dibayar oleh Hendrik bagi TT 2024 perlu dikira semula memandangkan cukai yang ditanggung oleh majikan telah dipinda.

#### Tahun Taksiran 2024 – Taksiran Kurangan

	RM	RM
Gaji RM21,000 X 12 (1.1.2024 – 31.12.2024)		252,000
Bonus yang boleh diterima bagi tahun 2023 diterima dalam tahun 2024		40,000
Cukai TT 2023 yang ditanggung oleh majikan <sup>3</sup>		<u>24,900</u>
Jumlah pendapatan		316,900
Tolak:		
Potongan untuk diri	9,000	
Potongan untuk isteri	4,000	
Potongan untuk anak	2,000	
Potongan untuk premium insurans nyawa	3,000	<u>18,000</u>
Pendapatan bercukai		<u>298,900</u>
Cukai atas RM100,000 yang pertama		9,400.00
Cukai atas baki RM198,900 @ 25%		<u>49,725.00</u>
Cukai kena dibayar <sup>4</sup>		59,125.00
Tolak: Taksiran asal bagi TT 2024 <sup>2</sup>		<u>60,062.50</u>
Cukai dilepaskan akibat tuntutan untuk premium insurans nyawa dan pindaan amaun cukai ditanggung oleh majikan bagi TT 2023		<u>937.50</u>

<sup>4</sup>Pindaan cukai kena dibayar bagi TT 2024 yang ditanggung oleh majikan selepas mengambil kira potongan premium insurans nyawa yang dituntut oleh Hendrik dan pindaan amaun cukai ditanggung oleh majikan bagi TT 2023 telah dikurangkan kepada RM59,125.00. Amaun ini diambil kira sebagai sebahagian daripada pendapatan kasar penggajian Hendrik bagi TT 2025.

### 6.3 Pengiraan perkuisit apabila terdapat taksiran tambahan

Jika terdapat perubahan dalam pendapatan yang dikenakan cukai atau pendapatan bercukai yang mengakibatkan taksiran tambahan bagi suatu TT, cukai untuk TT tersebut dan TT seterusnya (tidak kira sama ada ia mengakibatkan taksiran tambahan atau kurangan) perlu dikira semula untuk menentukan cukai kena dibayar sebenar yang sepatutnya ditanggung oleh majikan.

Sekiranya terdapat cukai tambahan bagi suatu TT yang ditanggung oleh majikan, cukai tambahan ini merupakan perkuisit tambahan kepada pekerja. Perkuisit tambahan ini tidak dikaitkan kepada TT berkenaan tetapi akan di ambil kira sebagai pendapatan kasar pekerja daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) ACP bagi TT dalam mana taksiran tambahan itu dibangkitkan.

#### Contoh 3

Fakta sama seperti Contoh 1.

Majikan Hendrik tidak memasukkan manfaat tempat kediaman yang disediakan kepada beliau secara percuma dalam tahun 2023 dalam Penyata Saraan Daripada Penggajian (Borang EA) bagi tahun berakhir 31.12.2023. Nilai tertentu premis kediaman tersebut adalah RM45,000.

Manfaat ini hanya dilaporkan pada tahun 2025 dalam pindaan Borang EA bagi tahun berakhir 31.12.2023 dan taksiran tambahan atas manfaat tempat kediaman bagi TT 2023 dibangkitkan dalam tahun 2025. Majikan tidak menyediakan tempat kediaman kepada Hendrik bagi tahun 2024 dan 2025.

Memandangkan penggajian Hendrik tamat pada 31.3.2025 dan beliau akan meninggalkan Malaysia, pengiraan cukai kena dibayar hendaklah ditentukan mengikut perenggan 6.6 KU ini. Bagi tujuan contoh ini, adalah diandaikan Hendrik membuat pilihan supaya subseksyen 25(6) ACP tidak terpakai berhubung pendapatan kasar beliau daripada penggajian.

Cukai yang kena dibayar bagi TT 2023 mesti dikira semula untuk menentukan cukai yang kena dibayar yang ditanggung oleh majikan. Pengiraan semula cukai yang kena dibayar bagi TT 2023 dan pengiraan cukai yang kena dibayar bagi TT 2025 adalah seperti berikut:

#### Tahun Taksiran 2023 - Taksiran Tambahan

	RM	RM
Perenggan 13(1)(a) ACP		
Gaji RM20,000 X 9 (1.4.2023- 31.12.2023)		180,000



Perenggan 13(1)(c) ACP  
30% X RM180,000 = RM54,000

Atau

Nilai tertentu premis kediaman = RM5,000 X 9 = RM45,000;

Yang mana lebih rendah 45,000

Pendapatan kasar/larasan/berkanun daripada penggajian/

Jumlah pendapatan 225,000

Tolak:

Potongan untuk diri 9,000

Potongan untuk isteri 4,000

Potongan untuk anak 2,000 15,000

Pendapatan bercukai 210,000

RM

Cukai atas RM100,000 yang pertama 9,400.00

Cukai atas baki RM110,000 @ 25% 27,500.00

Cukai kena dibayar 36,900.00

Tolak: Taksiran asal bagi TT 2023<sup>1</sup> 25,650.00

Cukai tambahan 11,250.00

Penalti di bawah subseksyen 113(2) ACP (15%) 1,687.50

Cukai tambahan yang kena dibayar<sup>5</sup> 12,937.50

<sup>5</sup>Cukai tambahan yang kena dibayar berjumlah RM12,937.50 bagi TT 2023 yang ditanggung oleh majikan adalah perkuisit tambahan kepada Hendrik. Perkuisit tambahan ini hanya ditentukan dalam tahun 2025 apabila maklumat berhubung manfaat tempat kediaman dilaporkan oleh majikan dalam pindaan Borang EA bagi tahun berakhir 31.12.2023. Oleh yang demikian, perkuisit tambahan dianggap sebagai pendapatan kasar daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) ACP bagi TT 2025, iaitu tahun dalam mana taksiran tambahan dibangkitkan.

Untuk keterangan lanjut berkaitan kadar penalti, sila rujuk kepada Rangka Kerja Audit Cukai bertarikh 1.5.2022 yang boleh diperolehi dari laman sesawang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) di <http://www.hasil.gov.my>.

**Tahun Taksiran 2025 – Bukan Pemastautin**

**Pengiraan cukai ditanggung oleh majikan untuk tujuan pengiraan akhir**

	RM
Gaji RM22,000 X 3 (1.1.2025 - 31.3.2025)	66,000
Bonus yang boleh diterima bagi tahun 2024 diterima dalam tahun 2025	10,000
Cukai TT 2024 yang ditanggung oleh majikan <sup>2</sup>	60,063
Cukai tambahan bagi TT 2023 yang ditanggung oleh majikan <sup>5</sup>	<u>12,938</u>
Jumlah pendapatan / Pendapatan bercukai	<u>149,001</u>
Cukai yang kena dibayar $RM149,001 @ 30\% = RM44,700.30^6$	

**Pengiraan terakhir**

	RM
Gaji RM22,000 X 3 (1.1.2025 - 31.3.2025)	66,000
Bonus yang boleh diterima bagi tahun 2024 diterima dalam tahun 2025	10,000
Cukai TT 2024 yang ditanggung oleh majikan <sup>2</sup>	60,063
Cukai tambahan bagi TT 2023 yang ditanggung oleh majikan <sup>5</sup>	12,938
Cukai TT 2025 yang ditanggung oleh majikan <sup>6</sup>	<u>44,700</u>
Jumlah pendapatan / Pendapatan bercukai	<u>193,701</u>

Cukai yang kena dibayar  $RM193,701 @ 30\% = RM58,110.30$

Cukai kena dibayar berjumlah RM58,110.30 bagi TT 2025 ditanggung oleh majikan.

**6.4 Pengiraan perkuisit di mana cukai pekerja ditanggung sebahagiannya oleh seorang majikan**

Jika seorang majikan bersetuju membayar hanya sebahagian cukai pekerja untuk suatu TT, hanya bahagian cukai yang ditanggung oleh majikan sahaja merupakan perkuisit dan dianggap sebagai pendapatan kasar pekerja daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) ACP kepada pekerja.

#### Contoh 4

Miyamoto, seorang warganegara Jepun memulakan penggajian di Malaysia dengan Syarikat A pada 1.1.2022. Terma kontrak penggajian adalah seperti berikut:

- (a) tempoh penggajian di Malaysia adalah untuk 2½ tahun;
- (b) gaji berjumlah RM18,000 sebulan;
- (c) separuh (½) daripada tanggungan cukai pendapatan Miyamoto ditanggung oleh majikan; dan
- (d) kemudahan diberikan adalah -
  - (i) telefon bimbit (satu unit) didaftar di bawah nama Miyamoto dan bil bulanan akan dibayar oleh majikan;
  - (ii) kereta untuk kegunaan peribadi dan untuk tujuan kerja (kereta baharu berjumlah RM200,000 telah dibeli dalam tahun 2022);
  - (iii) petrol (nilai sebenar petrol yang dibayar oleh majikan adalah RM12,000, RM13,000 dan RM7,000 masing-masing bagi TT 2022, 2023 dan 2024). Miyamoto tidak menyimpan rekod perjalanan yang berkaitan dengan kerja pada tahun 2022. Kemudian beliau menyimpan rekod yang menunjukkan kos petrol yang berkaitan kerja berjumlah RM9,000 dan RM7,000 masing-masing bagi TT 2023 dan 2024; dan
  - (iv) tempat kediaman percuma. Sewa yang dibayar oleh majikan untuk tempat kediaman tanpa perabot ini adalah RM5,000 sebulan.

Nilai manfaat yang diberikan adalah seperti berikut:

Bil.	Manfaat	Layanan Cukai	Rujukan
1.	Telefon bimbit dan bil bulanan	Dikecualikan cukai	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) 2009 [P.U.(A) 152/2009] dan KU No. 5/2019 - Perkuisit Daripada Penggajian (Perenggan 7.4.1 dan 7.4.2)

2.	<sup>7</sup> Kereta	<p>Sekiranya nilai yang ditetapkan digunakan untuk menentukan nilai manfaat berupa barangan, tiada pengurangan jika kereta tersebut digunakan untuk tujuan perniagaan.</p> <p>Nilai manfaat berupa barangan dilaraskan dengan sewajarnya mengikut tempoh kereta dibekalkan.</p>	<p>KU No. 11/2019-Manfaat Berupa Barangan (MBB)</p> <p>Perenggan 6.1.3 dan 6.1.8</p> <p>Perenggan 6.1.5</p>
3.	<sup>8</sup> Petrol	<p>Seorang pekerja diberi pilihan untuk –</p> <p>(i) menentukan amaun petrol percuma dikenakan cukai berdasarkan nilai petrol tahunan yang ditetapkan mengikut Lampiran 2 KU 11/2019-MBB; atau</p> <p>(ii) menikmati pengecualian ke atas amaun petrol yang digunakan seperti berikut:</p> <p>Elaun petrol dikecualikan sehingga maksimum RM6,000 setahun (sekiranya majikan tidak dapat menentukan nilai petrol yang berkaitan dengan tujuan persendirian dan perniagaan).</p> <p>Sekiranya majikan dapat menentukan penggunaan elaun petrol yang melebihi RM6,000 setahun bagi perniagaan majikan berdasarkan rekod yang disimpan oleh pekerja, jumlah sebenar elaun yang dibelanjakan untuk tujuan</p>	<p>KU No. 11/2019-MBB</p> <p>Perenggan 8.2.12</p> <p>Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) 2009 [P.U.(A) 152/2009] dan KU No. 5/2019-Perkuisit Daripada Penggajian (Perenggan 7.2.1 (a) – (d))</p>

		perniagaan dikecualikan.	boleh
4.	<sup>9</sup> Tempat kediaman	Nilai perlu ditentukan	Subseksyen 32(2) ACP dan KU No. 3/2005 dan Tambahan kepada KU No. 3/2005

Miyamoto adalah pemastautin bagi TT 2022 hingga 2024.

Pengiraan cukai yang kena dibayar oleh Miyamoto bagi TT 2022 dan 2023 adalah seperti berikut:

**Tahun Taksiran 2022**

	RM	RM
Perenggan 13(1)(a) ACP Gaji RM18,000 X 12 (1.1.2022 - 31.12.2022)		216,000
Perenggan 13(1)(b) ACP Kereta (kaedah nilai ditetapkan) <sup>7</sup> Petrol (kaedah nilai ditetapkan) <sup>8</sup>	7,000 <u>1,800</u>	8,800
Perenggan 13(1)(c) ACP 30% X 216,000 = RM64,800 <sup>9</sup>		
Atau Nilai tertentu kediaman = RM5,000 X 12 = RM60,000 Yang mana rendah		<u>60,000</u>
Pendapatan kasar/larasan/berkanun daripada penggajian/jumlah pendapatan Tolak:		284,800
Potongan untuk diri		<u>9,000</u>
Pendapatan bercukai		<u>275,800</u>
		RM
Cukai atas RM100,000 yang pertama		10,700.00
Cukai atas baki RM175,800 @ 24%		<u>42,192.00</u>
Cukai kena dibayar <sup>10</sup>		<u>52,892.00</u>

Memandangkan majikan bersetuju untuk menanggung separuh daripada cukai yang kena dibayar oleh Miyamoto, hanya RM26,446<sup>11</sup> ( $\frac{1}{2} \times$  <sup>10</sup>RM52,892) adalah dianggap sebagai perkuisit. Perkuisit ini diambil kira sebagai sebahagian pendapatan kasar daripada penggajian Miyamoto di bawah perenggan 13(1)(a) ACP untuk tahun asas 2023 (TT 2023).

**Tahun Taksiran 2023**

	RM	RM
Perenggan 13(1)(a) ACP		
Gaji RM18,000 X 12 (1.1.2023 -31.12.2023)		216,000
Cukai untuk TT 2022 yang ditanggung sebahagiannya oleh majikan <sup>11</sup>		<u>26,446</u>
		242,446
Perenggan 13(1)(b) ACP		
Kereta (kaedah nilai ditetapkan) <sup>7</sup>		
Petrol (kaedah nilai ditetapkan) <sup>8</sup>	7,000	
	<u>1,800</u>	8,800
Perenggan 13(1)(c) ACP		
30% X 242,446 = RM72,733.80 <sup>9</sup>		
Atau		
Nilai tertentu kediaman = RM5,000 X 12 = RM60,000		
Yang mana rendah		<u>60,000</u>
Pendapatan kasar/ larasan/ berkanun daripada penggajian/ jumlah pendapatan		311,246
Tolak:		
Potongannya untuk diri		<u>9,000</u>
Pendapatan bercukai		<u>302,246</u>
		RM
Cukai atas RM100,000 yang pertama		9,400.00
Cukai atas baki RM202,246 @25%		<u>50,561.50</u>
Cukai kena dibayar <sup>12</sup>		<u>59,961.50</u>

Majikan Miyamoto menanggung separuh daripada cukai yang kena dibayar oleh Miyamoto bagi TT 2023 iaitu RM29,980.75<sup>13</sup> ( $\frac{1}{2} \times$  <sup>12</sup>RM59,961.50) yang dianggap sebagai perkuisit. Amaun ini dianggap sebagai pendapatan kasar daripada penggajian Miyamoto bagi TT 2024.

Pengiraan cukai kena dibayar bagi TT 2024 ditunjukkan dalam Contoh 7 di bawah perenggan 6.6.2 KU ini.

**Nota**

Sekiranya mulai TT 2024, cukai Miyamoto tidak lagi ditanggung oleh majikan beliau, bahagian cukai yang ditanggung oleh majikan bagi TT 2023 masih dianggap sebagai sebahagian pendapatan kasar daripada penggajian Miyamoto di bawah perenggan 13(1)(a) ACP bagi TT 2024. Miyamoto perlu menanggung sepenuhnya cukai yang kena dibayar bagi TT 2024. Memandangkan cukai Miyamoto bagi TT 2024 tidak ditanggung oleh majikan, oleh itu tiada terdapat cukai yang ditanggung oleh majikan bagi TT 2024 akan dikenakan cukai sebagai pendapatan kasar daripada penggajian Miyamoto di bawah perenggan 13(1)(a) ACP bagi TT 2025.



6.5 Pengiraan perkuisit di mana seorang pekerja gagal mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan

Apabila seorang pekerja gagal atau tidak mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) pada tarikh ditetapkan, pekerja tersebut telah melakukan kesalahan dan boleh dikenakan penalti di bawah subseksyen 112(3) ACP. Amaun penalti bersama cukai yang dikenakan merupakan cukai yang kena dibayar oleh pekerja tersebut. Sekiranya amaun penalti yang dikenakan juga ditanggung oleh majikan, jumlah amaun cukai yang kena dibayar oleh majikan (termasuk penalti) adalah suatu perkuisit kepada pekerja dan merupakan sebahagian pendapatan kasar daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) ACP.

**Contoh 5**

Fakta sama seperti Contoh 4 kecuali Miyamoto lewat mengemukakan BNCP 2023 pada 31.7.2024 dan bukan pada tarikh ditetapkan iaitu 30.4.2024. Beliau dikenakan penalti di bawah subseksyen 112(3) ACP untuk pengemukaan lewat BNCP. Cukai pendapatan dan penalti Miyamoto bagi TT 2023 ditanggung sebahagiannya oleh majikan.

Pengiraan cukai kena dibayar dan penalti adalah seperti berikut:

**Tahun Taksiran 2023**

Cukai yang kena dibayar oleh Miyamoto mesti termasuk penalti yang dikenakan ke atas beliau.

	RM
Cukai kena dibayar seperti pengiraan di Contoh 4 <sup>12</sup>	59,961.50
Penalti di bawah subseksyen 112(3), ACP (15%)	<u>8,994.23</u>
Cukai kena dibayar <sup>14</sup>	<u>68,955.73</u>

Majikan Miyamoto menanggung separuh daripada cukai kena dibayar bagi TT 2023 iaitu RM34,477.87( $\frac{1}{2} \times$  <sup>14</sup>RM68,955.73) yang dianggap suatu perkuisit yang wujud dalam TT berikut iaitu dalam TT 2024.


6.6 Pengiraan perkuisit dalam kes pekerja telah atau akan meninggalkan Malaysia.

6.6.1 Bagi kes pekerja yang telah atau berhasrat meninggalkan Malaysia dan berhak kepada manfaat cukai yang dianggap sebagai suatu perkuisit di bawah perenggan 13(1)(a) ACP, peruntukan subseksyen 25(6) ACP hendaklah diguna pakai seperti berikut:

Apabila seorang pekerja -

- (i) meninggalkan atau akan meninggalkan Malaysia dalam tahun asas untuk suatu TT;
- (ii) tidak bermastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk TT yang berikutnya dan tidak pula memperolehi apa-apa pencen dari Malaysia bagi tahun asas tersebut; dan
- (iii) berhenti menerima pendapatan kasar daripada penggajian dari Malaysia apabila tamat tempoh cuti setelah beliau berlepas dari Malaysia,

pendapatan penggajian yang boleh diterima untuk tahun berkenaan atau bagi tahun asas untuk TT berikutan tahun berkaitan akan dianggap telah diterima dalam tahun asas beliau meninggalkan Malaysia.



Walau bagaimanapun, pekerja boleh memilih untuk membuat permintaan secara bertulis kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) bahawa subseksyen 25(6) ACP tidak diguna pakai berhubung pendapatan kasar beliau daripada penggajian. Pilihan tersebut boleh dibuat melalui surat pada masa pekerja menfailkan BNCP bagi TT berkaitan sebelum beliau meninggalkan Malaysia.

Dalam perkataan lain, pekerja boleh membuat permohonan dengan menulis surat kepada KPHDN menyatakan bahawa pendapatan kasar bagi TT berikutan TT beliau meninggalkan Malaysia (TT 2025) dianggap sebagai pendapatan bagi TT tersebut (TT 2025) dan tidak dianggap diterima dalam TT 2024 iaitu TT beliau meninggalkan Malaysia.

Untuk keterangan lanjut berkaitan penentuan taraf mastautin individu, rujuk kepada KU No.11/2017 bertarikh 22.12.2017 bertajuk "Taraf Mastautin Individu" yang boleh diperolehi daripada laman sesawang LHDNM di <http://www.hasil.gov.my>.

- 6.6.2 Bagi kes seperti disebutkan di perenggan 6.6.1 di atas, pengiraan cukai perlu dilakukan dua kali untuk tahun terakhir di mana pekerja berada di Malaysia. Pengiraan hendaklah dibuat seperti berikut:

- Langkah 1 - Pengiraan cukai ditanggung oleh majikan; dan
- Langkah 2 - Pengiraan akhir untuk menentukan amaun sebenar cukai pendapatan yang kena dibayar oleh pekerja termasuk cukai ke atas amaun cukai terakhir yang ditanggung oleh majikan.

### Contoh 6

Fakta sama seperti Contoh 1 kecuali kontrak penggajian Hendrik ditamatkan berkuat kuasa 31.1.2025 dan beliau meninggalkan Malaysia pada 1.12.2024. Semua saraan dari 1.12.2024 hingga 31.1.2025 dibayar kepada beliau dalam tahun 2025. Surat pemberitahuan oleh majikan berkenaan pekerja yang meninggalkan Malaysia (Borang CP21) dikemukakan oleh majikan secara elektronik kepada LHDNM pada 30.10.2024. Apabila Borang CP21 dikemukakan kepada LHDNM, Hendrik dikehendaki melengkapkan BNCP bagi TT yang berkenaan.

Subseksyen 25(6) ACP terpakai memandangkan Hendrik –

- (a) meninggalkan Malaysia pada 1.12.2024;
- (b) bukan pemastautin di Malaysia bagi tahun asas berikutan tahun beliau meninggalkan Malaysia (2025);
- (c) tidak memperoleh pencen dari Malaysia bagi tahun asas berikutan tahun beliau meninggalkan Malaysia (2025); dan
- (d) berhenti menerima pendapatan kasar daripada penggajian dari Malaysia pada penghujung tempoh cuti (1.12.2024 hingga 31.1.2025) setelah beliau meninggalkan Malaysia (1.12.2024).

Pendapatan berikut dikenakan cukai dalam tahun Hendrik meninggalkan Malaysia iaitu, TT2024:

- (i) Cukai yang kena dibayar oleh Hendrik bagi TT 2024 yang ditanggung oleh majikan beliau (yang sepatutnya di ambil kira sebagai suatu perkuisit dan sebahagian pendapatan kasar daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) ACP bagi tahun asas 2025) dianggap sebagai pendapatan tahun asas 2024 iaitu tahun asas beliau meninggalkan Malaysia;
- (ii) Pendapatan kasar daripada penggajian bagi tempoh 1.1.2025 hingga 31.1.2025 dianggap telah diterima dalam tahun 2024; dan
- (iii) Tunggakan bonus RM10,000 berkaitan tahun 2024 yang diterima dalam tahun 2025 dianggap diterima dalam tahun 2024.

### Tahun Taksiran 2023

(Seperti pengiraan di Contoh 1)

### Tahun Taksiran 2024

#### Pengiraan cukai ditanggung oleh majikan untuk tujuan pengiraan terakhir

	RM	RM
Perenggan 13(1)(a) ACP		
Gaji RM21,000 X 12 (1.1.2024– 31.12.2024)		252,000
Gaji RM22,000 X 1 (1.1.2025 – 31.1.2025)		22,000
Bonus boleh diterima bagi tahun 2023 tetapi diterima dalam tahun 2024		40,000
Tunggakan bonus boleh diterima bagi tahun 2024 tetapi diterima dalam tahun 2025		10,000
Cukai TT 2023 yang ditanggung sepenuhnya oleh majikan <sup>1</sup>		<u>25,650</u>
Jumlah pendapatan		349,650
Tolak:		
Potongan untuk diri	9,000	
Potongan untuk isteri	4,000	
Potongan untuk anak	<u>2,000</u>	<u>15,000</u>
Pendapatan bercukai		<u>334,650</u>



	RM
Cukai atas RM100,000 pertama	9,400.00
Cukai atas baki RM234,650 @ 25%	<u>58,662.50</u>
Cukai kena dibayar <sup>15</sup>	<u>68,062.50</u>

**Pengiraan terakhir**

	RM	RM
Perenggan 13(1)(a) ACP		
Gaji RM21,000 X 12 (1.1.2024 – 31.12.2024)		252,000
Gaji RM22,000 X 1 (1.1.2025– 31.1.2025)		22,000
Bonus boleh diterima bagi tahun 2023 tetapi diterima dalam tahun 2024		40,000
Tunggakan bonus boleh diterima bagi tahun 2024 tetapi diterima pada tahun 2025		10,000
Cukai TT 2023 yang ditanggung sepenuhnya oleh majikan <sup>1</sup>		25,650
Cukai TT 2024 yang ditanggung sepenuhnya oleh majikan <sup>15</sup>		<u>68,063</u>
Jumlah pendapatan		<u>417,713</u>
Tolak:		
Potongan untuk diri	9,000	
Potongan untuk isteri	4,000	
Potongan untuk anak	2,000	<u>15,000</u>
Pendapatan bercukai		<u>402,713</u>

	RM
Cukai atas RM400,000 pertama	84,400.00
Cukai atas baki RM2,713 @ 26%	<u>705.38</u>
Cukai kena dibayar	<u>85,105.38</u>

Cukai kena dibayar oleh Hendrik bagi TT 2024 berjumlah RM85,105.38 ditanggung sepenuhnya oleh majikan. Surat penyelesaian cukai dikeluarkan kepada majikan untuk meremitkan jumlah sepenuhnya kepada LHDNM.



**Walau bagaimanapun**, sekiranya Hendrik buat pilihan secara bertulis dengan menyatakan subseksyen 25(6) ACP tidak digunapakai, cukai pendapatan kena dibayar oleh beliau akan dikira seperti berikut:

**Tahun Taksiran 2023**

(Seperti pengiraan di Contoh 1)

**Tahun Taksiran 2024**

	RM	RM
Perenggan 13(1)(a) ACP		
Gaji RM21,000X 11 (1.1.2024– 30.11.2024)		231,000
Bonus boleh diterima bagi tahun 2023 tetapi diterima dalam tahun 2024		40,000
Cukai TT 2023 yang ditanggung sepenuhnya oleh majikan <sup>1</sup>		<u>25,650</u>
Jumlah pendapatan		296,650
Tolak:		
Potongan untuk diri	9,000	
Potongan untuk isteri	4,000	
Potongan untuk anak	<u>2,000</u>	<u>15,000</u>
Pendapatan bercukai		<u>281,650</u>
	RM	
Cukai atas RM100,000 pertama	9,400.00	
Cukai atas baki RM181,650 @ 25%	<u>45,412.50</u>	
Cukai kena dibayar <sup>16</sup>		<u>54,812.50</u>

**Tahun Taksiran 2025 – Bukan Bermastautin**

**Pengiraan amaun cukai ditanggung oleh majikan untuk tujuan pengiraan terakhir**

	RM
Gaji RM21,000 X 1 (1.12.2024– 31.12.2024)	21,000
Gaji RM22,000 X 1 (1.1.2025 – 31.1.2025)	22,000
Tunggakan bonus boleh diterima bagi tahun 2024 tetapi diterima pada tahun 2025	10,000
Cukai TT 2024 yang ditanggung sepenuhnya oleh majikan <sup>16</sup>	<u>54,813</u>
Jumlah pendapatan / Pendapatan bercukai	<u>107,813</u>

Cukai yang kena dibayar RM107,813 @ 30% - RM32,343.90<sup>17</sup>

**Pengiraan terakhir**

	RM
Gaji RM21,000 X 1 (1.12.2024 – 31.12.2024)	21,000
Gaji RM22,000 X 1 (1.1.2025 – 31.1.2025)	22,000
Tunggakan bonus boleh diterima bagi tahun 2024 tetapi diterima pada tahun 2025	10,000
Cukai TT 2024 yang ditanggung sepenuhnya oleh majikan <sup>16</sup>	54,813
Cukai TT 2025 yang ditanggung sepenuhnya oleh majikan <sup>17</sup>	<u>32,344</u>
Jumlah pendapatan / Pendapatan bercukai	<u>140,157</u>

Cukai pendapatan kena dibayar RM140,157 @ 30% - RM42,047.10<sup>18</sup>

Cukai yang kena dibayar oleh Hendrik bagi TT 2025 adalah RM42,047.10.

Surat penyelesaian cukai dikeluarkan kepada majikan Hendrik untuk meremitkan cukai yang ditanggung oleh mereka. Hendrik perlu memastikan cukai beliau dibayar sebelum meninggalkan Malaysia dalam 2024.

Walaupun terdapat perjanjian di antara Hendrik dan majikannya bahawa cukai beliau akan ditanggung sepenuhnya oleh majikan, Hendrik tidak dilepaskan daripada tanggungan cukai beliau sekiranya majikan gagal meremitkan cukai yang kena dibayar kepada LHDNM.

Adalah perlu diambil perhatian bahawa majikan hendaklah –

- (i) memastikan saraan bulan terakhir Hendrik dan apa-apa wang yang perlu dibayar kepada beliau adalah ditahan sehingga surat penyelesaian cukai dikeluarkan oleh KPHDN atau 90 hari selepas memberitahu LHDNM pemberhentian kerja beliau; dan
- (ii) cukai kena bayar dijelaskan sepenuhnya tidak kira pihak mana yang menanggung cukai tersebut.

#### Contoh 7

Fakta sama seperti Contoh 4.

Borang CP21 Miyamoto dikemukakan oleh majikan kepada LHDNM secara elektronik pada 31.5.2024.

Separuh daripada cukai yang kena dibayar oleh Miyamoto bagi TT 2023 yang ditanggung oleh majikan dianggap sebagai pendapatan tahun asas bagi TT 2024 iaitu dalam tahun asas beliau meninggalkan Malaysia.

Cukai yang kena dibayar oleh Miyamoto bagi tahun-tahun taksiran berkenaan adalah dikira seperti berikut:

#### Tahun Taksiran 2022 dan 2023

(Seperti pengiraan di Contoh 4)

#### Tahun Taksiran 2024 (1.1.2024 hingga 30.6.2024) - Bermastautin

#### Pengiraan amaun cukai ditanggung oleh majikan untuk tujuan pengiraan terakhir

	RM
Perenggan 13(1)(a) ACP	
Gaji RM18,000 X 6 bulan (1.1.2024 – 30.6.2024)	108,000
Cukai TT 2023 yang ditanggung sebahagian oleh majikan <sup>13</sup>	<u>29,981</u>
	137,981





Perenggan 13(1)(b) ACP Kereta (kaedah nilai ditetapkan) <sup>7</sup> (RM7,000 X 6/12 bulan)	3,500	
Petrol (kaedah nilai ditetapkan) <sup>8</sup> (RM1,800 X 6/12 bulan)	<u>900</u>	
		<u>4,400</u>

Perenggan 13(1)(c) ACP  
30% X RM137,981 = RM41,394<sup>9</sup>

Atau

Nilai tertentu kediaman = RM5,000 X 6 bulan = RM30,000

Yang mana lebih rendah 30,000

Jumlah pendapatan 172,381

Tolak:

Potongan untuk diri 9,000

Pendapatan bercukai 163,381

	RM
Cukai atas RM100,000 pertama	9,400.00
Cukai atas baki RM63,381 @ 25%	<u>15,845.25</u>
Cukai kena dibayar <sup>19</sup>	<u>25,245.25</u>

### Pengiraan cukai yang ditanggung sebahagian oleh Syarikat A untuk tujuan pengiraan terakhir

$$\frac{1}{2} \times \text{RM}25,245.25^{19} = 12,622.63^{20}$$

### Pengiraan terakhir

	RM
Perenggan 13(1)(a) ACP	
Gaji RM18,000 X 6 bulan (1.1.2024 – 30.6.2024)	108,000
Cukai TT 2023 yang ditanggung sebahagian oleh majikan (Syarikat A) <sup>13</sup>	<u>29,981</u>
Cukai TT 2024 yang ditanggung sebahagian oleh majikan (Syarikat A) <sup>20</sup>	<u>12,623</u>
	150,604
Perenggan 13(1)(b) ACP	
Kereta (kaedah nilai ditetapkan) <sup>7</sup> (RM7,000 X 6/12 bulan)	3,500
Petrol (kaedah nilai ditetapkan) <sup>8</sup> (RM1,800 X 6/12 bulan)	<u>900</u>
	4,400

Perenggan 13(1)(c) ACP  
 $30\% \times \text{RM}150,604 = \text{RM}45,181^9$

Atau

Nilai tertentu kediaman =  $\text{RM}5,000 \times 6 \text{ bulan} =$   
 $\text{RM}30,000$

Yang mana lebih rendah

Jumlah pendapatan

30,000  
185,004

Tolak:

Potongan untuk diri

Pendapatan bercukai

9,000  
176,004

RM

Cukai atas  $\text{RM}100,000$  pertama

9,400.00

Cukai atas baki  $\text{RM}76,004 @ 25\%$

19,001.00

Cukai kena dibayar<sup>21</sup>

28,401.00

**Cukai yang ditanggung sebahagian oleh Syarikat A apabila  
penggajian Miyamoto tamat pada 30.6.2024**

$\frac{1}{2} \times 28,401.00^{21} = 14,200.50$

**Cukai yang ditanggung sebahagian oleh Miyamoto**

$\frac{1}{2} \times 28,401.00^{21} = 14,200.50$

Cukai kena dibayar oleh Miyamoto bagi TT 2024 adalah  $\text{RM}28,401.00^{21}$ . Surat penyelesaian cukai dikeluarkan kepada Syarikat A untuk meremitkan separuh daripada cukai kena dibayar berjumlah  $\text{RM}14,200.50^{22}$  ( $\frac{1}{2} \times \text{RM}28,401.00^{21}$ ) yang ditanggung oleh mereka dan baki cukai yang kena dibayar (ditanggung oleh Miyamoto) dipotong daripada wang terakhir Miyamoto yang dipegang di bawah subseksyen 83(5) ACP.

**Contoh 8**

Fakta sama seperti Contoh 4 dan 7 kecuali Miyamoto memulakan penggajian pada 1.11.2024 dengan majikan kedua, Syarikat B dalam tahun yang sama beliau berhenti penggajian dengan majikan pertama, Syarikat A. Kontrak dengan Syarikat B adalah dari 1.11.2024 hingga 31.12.2025 dan saraan bulanan adalah  $\text{RM}50,000$ . Cukai yang kena dibayar oleh Miyamoto atas pendapatan penggajian di bawah Syarikat B akan ditanggung sepenuhnya oleh Syarikat B.

Cukai bagi TT 2024 perlu dikira semula untuk mengambil kira pendapatan penggajian kasar daripada Syarikat B. Amaun cukai yang ditanggung sebahagian oleh Syarikat A, amaun yang ditanggung sepenuhnya oleh Syarikat B dan cukai yang ditanggung sebahagian oleh Miyamoto sendiri perlu ditentukan seperti berikut:

**Tahun Taksiran 2024 (1.1.2024 hingga 31.12.2024)**

**Pengiraan cukai atas pendapatan penggajian yang diterima daripada Syarikat A dan Syarikat B**

	RM
Perenggan 13(1)(a) ACP	
Gaji RM18,000 X 6 bulan (1.1.2024 – 30.6.2024)	108,000
Cukai TT 2023 yang ditanggung sebahagian oleh Syarikat A <sup>13</sup>	29,981
Cukai TT 2024 yang ditanggung sebahagian oleh Syarikat A <sup>22</sup>	<u>14,201</u>
	152,182
Gaji RM50,000 X 2 bulan (1.11.2024 – 31.12.2024)	<u>100,000</u>
	252,182
Perenggan 13(1)(b) ACP	
Kereta (kaedah nilai ditetapkan) <sup>7</sup>	3,500
(RM7,000 X 6/12 bulan)	
Petrol (kaedah nilai ditetapkan) <sup>8</sup>	
(RM1,800 X 6/12 bulan)	<u>900</u>
	4,400
Perenggan 13(1)(c) ACP	
30% X RM152,182= RM45,654.60 <sup>9</sup>	
Atau	
Nilai tertentu kediaman = RM5,000 X 6 bulan =	
RM30,000	
Yang mana lebih rendah	<u>30,000</u>
Jumlah pendapatan	286,582
Tolak:	
Potongan untuk diri	<u>9,000</u>
Pendapatan bercukai	<u>277,582</u>
	RM
Cukai atas RM100,000 pertama	9,400.00
Cukai atas baki RM177,582 @ 25%	<u>44,395.50</u>
Cukai kena dibayar <sup>23</sup>	<u>53,795.50</u>

---

**Pengiraan cukai yang ditanggung oleh Syarikat B**

	RM
Cukai bagi TT 2024	53,795.50 <sup>23</sup>
Tolak:	
Cukai yang ditanggung sebahagian oleh Syarikat A (seperti surat penyelesaian)	- 14,200.50 <sup>22</sup>
Cukai yang ditanggung sebahagian oleh Miyamoto (penggajian dengan Syarikat A)	- <u>14,200.50</u> <u>28,401.00<sup>21</sup></u>
Cukai ditanggung oleh Syarikat B	<u>25,394.50<sup>24</sup></u>

Cukai yang kena dibayar oleh Miyamoto bagi TT 2024 adalah RM53,795.50<sup>23</sup>. Cukai kena dibayar berjumlah RM25,394.50<sup>24</sup> yang berkaitan dengan penggajian Miyamoto dengan Syarikat B ditanggung sepenuhnya oleh Syarikat B dan dianggap sebagai suatu perkuisit mengikut perenggan 13(1)(a) ACP bagi TT 2025.

Walaupun terdapat perjanjian di antara Miyamoto dan kedua-dua majikan bahawa cukai kena dibayar sama ada ditanggung sebahagian atau sepenuhnya oleh majikan, Miyamoto tidak terlepas daripada tanggungan cukai sekiranya Syarikat A atau Syarikat B gagal meremitkan cukai yang ditanggung oleh mereka kepada LHDNM. Miyamoto hendaklah memastikan cukai yang kena dibayar diselesaikan sebelum beliau meninggalkan Malaysia.

Adalah perlu diperhatikan bahawa majikan hendaklah memastikan gaji terakhir Miyamoto dan apa-apa wang yang sepatutnya dibayar kepada beliau ditahan. Wang hendaklah ditahan sehingga surat penyelesaian cukai dikeluarkan atau 90 hari selepas memberitahu LHDNM pemberhentian kerja beliau dan cukai yang dikenakan dijelaskan sepenuhnya tidak kira pihak mana yang menanggung cukai tersebut.

## **7. Potongan Cukai Bulanan (PCB)**

Di mana seorang pekerja menerima satu perkuisit daripada penggajiannya, majikan hendaklah memastikan bahawa cukai yang dikenakan ke atas perkuisit itu dipotong daripada saraan pekerja berdasarkan Jadual Potongan cukai bulanan di bawah Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Daripada Saraan) 1994 [P.U.(A) 507/1994] dalam bulan di mana perkuisit itu diberi. Dalam kes di mana gaji pekerja tidak mencukupi untuk menyerap potongan cukai pendapatan bulanan ke atas perkuisit tersebut, majikan dikehendaki mendapatkan kelulusan LHDNM untuk pembayaran PCB ke atas perkuisit tersebut secara ansuran.

## 8. Tanggungjawab Pekerja

### 8.1 Pemberitahuan boleh dikenakan cukai dan mengemukakan BNCP

Seorang pekerja dikehendaki –

- (a) memberi notis kepada KPHDN dalam tempoh dua bulan ketibaannya di Malaysia semasa sesuatu TT yang khusus bahawa –
  - (i) beliau dikenakan cukai bagi TT yang khusus itu; atau beliau tidak dikenakan cukai bagi tahun khusus itu; atau
  - (ii) beliau tidak dikenakan cukai bagi tahun khusus itu tetapi dikenakan cukai bagi TT berikutan tahun yang khusus itu;
- (b) membuat suatu taksiran bagi tempoh asas di mana pendapatan penggajian diterima;
- (c) mengemukakan bagi setiap TT suatu BNCP iaitu Borang BE, BT, M atau MT tidak lewat daripada 30 April (sekiranya orang itu tidak menjalankan perniagaan) atau Borang B tidak lewat daripada 30 Jun (sekiranya orang itu menjalankan perniagaan) dalam tahun berikutan TT itu;
- (d) nyatakan pendapatan bercukai dan amaun cukai kena dibayar (jika ada) ke atas pendapatan bercukai bagi TT itu;
- (e) membuat bayaran ke atas cukai kena dibayar bagi suatu taksiran untuk suatu TT yang telah genap masa dan perlu dibayar pada tarikh ditetapkan sama ada rayuan telah dibuat terhadap taksiran tersebut; dan
- (f) mengemukakan butir-butir seperti yang diperlukan oleh KPHDN.

### 8.2 Ketidakpatuhan

Seorang individu yang boleh dikenakan cukai dan gagal mengemukakan Borang retan kepada KPHDN dalam tempoh ditetapkan atau gagal memberi notis kepada KPHDN bahawa beliau layak dikenakan cukai adalah melakukan suatu kesalahan. Beliau apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak kurang daripada RM200 dan tidak melebihi RM20,000 atau penjara bagi tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya. Dalam kes di mana terdapat kegagalan mengemukakan Borang retan atau pemberitahuan boleh dikenakan cukai, dan tindakan mahkamah belum diambil, individu itu boleh dikehendaki oleh KPHDN untuk membayar suatu penalti yang tidak melebihi tiga kali amaun cukai pendapatan yang dikenakan. Penalti ini akan dimasukkan dalam notis taksiran yang dikeluarkan kepada individu tersebut.

8.3 Ketidapkakaian potongan cukai sebagai cukai muktamad

Adalah perlu diambil perhatian bahawa mengikut perenggan 77C(1)(d) ACP, sekiranya cukai seorang individu ditanggung oleh majikannya, individu tersebut tidak layak membuat pilihan untuk tidak mengemukakan BNCP bagi TT yang berkenaan. Dalam perkataan lain, seorang individu dikehendaki mengemukakan BNCP bagi suatu TT sekiranya cukainya ditanggung oleh majikan bagi TT itu.

9. Tanggungjawab Majikan

9.1 Tanggungjawab majikan diperuntukkan di bawah seksyen 83 ACP seperti berikut:

ACP	Tanggungjawab Majikan
Subseksyen 83(1)	Majikan dikehendaki mengemukakan Penyata oleh Majikan (Borang E) yang mengandungi maklumat lengkap kepada KPHDN bagi setiap tahun tidak lewat daripada 31 Mac dalam tahun berikutnya.
Subseksyen 83(1A)	Majikan dikehendaki menyediakan dan memberikan kepada pekerja Penyata Saraan daripada Penggajian (Borang EA) berkenaan dengan pekerja tersebut pada atau sebelum hari terakhir bulan Februari tahun berikutnya.
Subseksyen 83(2)	Majikan dikehendaki mengemukakan pemberitahuan melalui Borang CP22 (Borang Pemberitahuan Oleh Majikan Bagi Pekerja Baharu) kepada KPHDN dengan mengemukakan butiran pekerja baharu yang boleh dikenakan cukai atau berkemungkinan dikenakan cukai tidak lewat daripada 30 hari selepas tarikh mula penggajian.
Subseksyen 83(3)	Majikan dikehendaki mengemukakan pemberitahuan menggunakan Borang CP22A (Borang Pemberitahuan Pemberhentian Kerja (Swasta)) / CP22B (Borang Pemberitahuan Pemberhentian Kerja (Agensi Kerajaan)) kepada KPHDN dengan mengemukakan butiran pekerja sekiranya majikan ingin berhenti menggaji pekerja yang akan atau berkemungkinan dikenakan cukai berhubung dengan pendapatan daripada

	<p>penggajian tersebut atau pekerja di bawah penggajiannya meninggal dunia. Pemberitahuan perlu dikemukakan tidak kurang daripada 30 hari sebelum pemberhentian penggajian atau tidak lebih 30 hari selepas dimaklumkan kematian seseorang pekerja.</p> <p>Walau bagaimanapun, majikan tidak perlu mengemukakan Borang CP22A / CP22B sekiranya pendapatan pekerja tertakluk kepada PCB atau jika saraan bulanan pekerja adalah di bawah amaun minimum yang layak dikenakan PCB.</p>
Subseksyen 83(4)	<p>Majikan dikehendaki mengemukakan pemberitahuan menggunakan Borang CP21 (Borang Pemberitahuan Oleh Majikan Bagi Pekerja Yang Hendak Meninggalkan Malaysia) kepada KPHDN dengan mengemukakan butiran pekerja yang akan dikenakan cukai berhubung dengan penggajian tersebut dan ingin meninggalkan atau berhasrat untuk meninggalkan Malaysia bagi suatu tempoh yang melebihi tiga (3) bulan. Pemberitahuan perlu dikemukakan tidak kurang daripada 30 hari sebelum tarikh pekerja dijangka meninggalkan Malaysia.</p>
Subseksyen 83(5)	<p>Majikan hendaklah menahan apa-apa bahagian wang yang akan atau boleh dibayar kepada pekerja yang telah berhenti atau akan berhenti daripada penggajian atau akan meninggalkan Malaysia untuk tempoh yang melebihi tiga (3) bulan dengan tiada niat untuk kembali. Majikan tidak boleh tanpa kebenaran KPHDN membayar apa-apa bahagian wang itu kepada atau bagi manfaat pekerja selama 90 hari selepas penerimaan pemberitahuan (CP22A / CP22B / Borang CP21) di bawah subseksyen 83(3) dan 83(4) oleh KPHDN. Majikan hendaklah membayar semua atau sebahagian amaun yang ditahan kepada KPHDN apabila diarahkan pada bila-bila masa dalam tempoh tersebut.</p>

Mulai TT 2024, semua pemberitahuan dan pengemukaan Borang E, CP22, CP22A dan CP21 kepada KPHDN hendaklah dibuat secara elektronik.

9.2 Ketidapatuhan oleh majikan

- (a) Menurut subseksyen 120(1) ACP, seorang majikan yang gagal mematuhi keperluan tersebut seperti diperuntukkan di bawah subseksyen 83 (1), (1A), (2), (3), (4), (5) dan seksyen 107 ACP berkaitan dengan pekerjaanya tanpa sebarang alasan yang munasabah adalah melakukan suatu kesalahan. Penalti, apabila disabitkan adalah denda tidak kurang daripada RM200 dan tidak melebihi RM20,000 atau penjara untuk tempoh tidak melebihi enam (6) bulan atau kedua-duanya.
- (b) Seorang majikan yang gagal mematuhi dengan keperluan di bawah subseksyen 83(2), (3), (4), (5) dan seksyen 107 ACP berkaitan seorang pekerjaanya bertanggungjawab untuk membayar amaun penuh cukai yang kena dibayar oleh pekerjaanya. Amaun kena dibayar oleh majikan merupakan suatu hutang kepada Kerajaan dan boleh dituntut melalui tindakan sivil.

10. Pengemaskinian dan Pindaan

	Kemaskini dan Pindaan	
<p>KU ini menggantikan KU No. 11/2016 bertarikh 8 Disember 2016</p>	<p>Kandungan KU ini telah dipinda dan dikemaskini seperti berikut:</p>	
	Perenggan	Penjelasan
	3	Perenggan 3 dikemaskini
	4	Perenggan 4 dikemaskini
6	<p>Contoh 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7 dan 8 dipinda seperti berikut (mana yang berkenaan):</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tarikh dipinda kepada tahun terkini</li> <li>• Amaun pelepasan cukai individu dipinda kepada amaun terkini</li> <li>• Kadar cukai dipinda mengikut TT terkini</li> <li>• Kadar penalti dipinda kepada kadar penalti terkini</li> </ul>	





		<ul style="list-style-type: none"><li>No. Bil Ketetapan Umum yang terkini</li></ul>
	7	Perenggan 7 dikemaskini
	9	Perenggan 9 dikemaskini
	10	Perenggan 10 dikemaskini
	11	Perenggan 11 ditambah

### 11. Penafian

Contoh-contoh di dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**